



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50506 KUALA LUMPUR

Telefon: 03- 26939011
Teleks: HAKIM MA 33584
Fax: 03-26932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh:

(22)dIm.JK/MP 16
Jld.(IV)
2 Januari 2002

Y.A.-Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia.

Semua Hakim Kanan/Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia.

Semua Pegawai Penyelidik/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan/Rayuan/Tinggi
Seluruh Malaysia.

Semua Majistret
Seluruh Malaysia.

Y.A.-Y.A. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 1/2002

ALASAN PENGHAKIMAN

Sebagaimana Y.A.-Y.A. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum bahawa sebelum ini terdapat banyak Pekeliling yang dikeluarkan mengenai penyediaan alasan penghakiman dalam tempoh **6 minggu** dari tarikh sesuatu penghakiman/keputusan kes diberi.

2. Setelah mengambil kira beberapa pandangan dari semua pihak serta faktor bahawa kes-kes di dalam mahkamah telah menjadi kompleks yang mana memerlukan kajian yang mendalam maka Y.A.A. Ketua Hakim Negara selepas berbincang dengan Y.A.A. Hakim Besar Malaya dan Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak bersetuju untuk melanjutkan tempoh masa **6 minggu** kepada **8 minggu** dari tarikh notis rayuan difailkan.

3. Adalah diperhatikan bahawa arahan penyediaan alasan penghakiman dalam tempoh **6 minggu** tidak pernah dikeluarkan kepada Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi sungguhpun amalan ini telah dipatuhi oleh Y.A.-Y.A.

- 2 -

4. Sehubungan dengan itu saya diarah oleh Y.A.A. Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan bahawa mulai 2 Januari 2002 arahan menyediakan alasan penghakiman dalam tempoh **8 minggu** dari tarikh notis disediakan adalah terpakai kepada Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret. Bagaimanapun jika tempoh tersebut tidak dapat dipatuhi maka sebab kelewatannya mestilah dinyatakan di dalam borang yang dilampirkan.

5. Pekeliling Pendaftar Bil. 3/1972 dan Pekeliling Pendaftar (U) No. 8 Tahun 1981 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ABDUL WAHAB BIN SAID AHMAD)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

s.k.:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Presiden
Mahkamah Rayuan Malaysia
Kuala Lumpur.

- 3 -

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi
Kuching.

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur.

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Kuching.

Mhn-pekelling

Pekeliling Pendaftar Bil 1 tahun 2002 [604]

MAHKAMAH: _____

BULAN: _____ TAHUN: _____

**KES-KES DI MANA ALASAN-ALASAN PENGHAKIMAN TIDAK
DISEDIAKAN DALAM TEMPOH LAPAN MINGGU**

NO KES	TARIKH NOTIS RAYUAN DIFAILKAN	TARIKH ALASAN PENGHAKIMAN SEPATUTNYA DISIAPKAN	SEBAB-SEBAB KELEWATAN